

R GB 31-08 00172 BA424

aab

BERTINDAK SEGERA HENTI XEGANASAN DJ BOSNIA, KATA MAHATHIR PADA NAM

Mahathir - NAM

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan menggesa Pergerakan Berkecuali (NAM) bertindak segera menghentikan keganasan yang dilakukan oleh puak Serb di Bosnia-Herzegovina,

Perdana Menteri berkata tindakan tegas perlu diambil mulai sekarang memandangkan puak Serb terus melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap orang Bosnia ketika masyarakat dunia sedang membincangkan pengiktirafan terhadap mereka.

+Kita tak boleh tunggu sehingga begitu banyak orang dibunuh dengan diseksa di kern tahanan dan sebagainya sebelum mengambil tindakan,+ katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebelum berlepas ke Jakarta bagi menghadiri Sidang Kemuncak NAM, yang bermula esok.

Untuk tujuan itu, katanya, Malaysia akan cuba membincangkan perkara itu di peringkat sidang kemuncak kerana +perkara ini memerlukan tindakan segera yang tidak boleh ditunggu-tunggu lagi+.

Ketika ditanya mengenai agenda sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata perkara yang paling dipandang berat oleh Malaysia ialah mengenai masalah di Bosnia-Herzegovina, --Lagi

♥31/08/16-38MST

R GR 31-08 00140 BA428

aab

Mahathir - NAM 2 Kuala Lumpur

Katanya, walaupun soal penyingkiran Yugoslavia akan dibincang oleh PBB di New York, perkara itu masih boleh dibincangkan di Sidang Kemuncak NAM.

+Perkara itu masih boleh dibincangkan di Sidang Kemuncak NAM bagi membolehkan kita memberi pandangan kita. Kalau tidak ada keputusan dibuat, itu adalah soal majoriti . +

Mengenai status Yugoslavia pula, Perdana Menteri berkata Malaysia kekal dengan pendapat bahawa negara itu tidak wujud lagi dan dengan itu tidak ada sebab mengapa Serbia harus mengakui sebagai penggantinya.

+Akhirnya Yugoslavia mestinya diiktiraf sebagai tidak ada lagi, sama ada dalam NAM atau PBB, kerana sebenarnya negara-negara lain sudah tidak mengakui Serbia sebagai Yugoslavia. +

Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu tindakan-tindakan lain yang boleh diambil oleh NAM tetapi menegaskan segala usaha harus dilakukan bagi membantu masyarakat Bosnia. --Lagi

♥31/08/17-08MST

aab

Mahathir - NAM 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Kita tidak boleh benarkan sebuah negara begitu kejam sekali secara terbuka membunuh sedangkan dunia atau PBB sering menegaskan bahawa tujuan badan dunia itu diwujudkan ialah supaya perkara semacam ini tidak berlaku,+
katanya.

Dr Mahathir kesal kerana PBB tidak bertindak terhadap Serbia walaupun keganasan terang-terangan berlaku sedangkan Malaysia turut menyokong tindakannya terhadap Baghdad semasa Iraq menakluki Kuwait.

Mengenai peranan negara berkaitan isu alam sekitar di sidang itu, beliau berkata Malaysia tidak pernah memainkan peranan utama +kerana kita cuma menyatakan pandangan kita sahaja ja dan kalau ianya secukup dengan pandangan orang lain . . .+

Ketika ditanya mengenai tindakan Kerajaan Negeri Sabah membatalkan peraturan imigrasi yang membenarkan rakyat Malaysia dan asing ke negeri itu melalui Wilayah Persekutuan Labuan tanpa menggunakan pasport, Perdana Menteri berkata ia satu langkah ke belakang.

+Sepatutnya kita lebih cepat bersatu, tapi ia balik ke belakang. Kita tak tahu apa tindakan yang boleh kita ambil kerana kita perlu kaji dahulu,+
katanya . . .

Menurut laporan akhbar hari ini, peraturan baru itu, yang ditandatangani sendiri oleh Ketua Menteri, Datuk Joseph Pair-in' Kitingan, diwartakan pada 23 Nov, 1991 dan dikehendaki berkuatkuasa mulai 1 Jan lepas.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. -- Bernama